

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.01/10.12/2 (77)

25 Mei 2022
24 Syawal 1443

PEKELILING PENTADBIRAN BIL.17/2022

Semua Staf Akademik
Universiti Teknologi Malaysia

PERMOHONAN JAWATAN PENTADBIR AKADEMIK UNIVERSITI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa akan wujud kekosongan bagi jawatan pentadbir akademik di Universiti Teknologi Malaysia seperti berikut:

i. Pengetua Kolej Kediaman – Kolej Perdana

2. Pihak pengurusan Universiti telah menetapkan bahawa proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka dan kekosongan jawatan haruslah dimaklumkan bagi membolehkan semua staf akademik Universiti yang berminat mengemukakan permohonan.
3. Kriteria pemilihan bagi jawatan ini adalah seperti berikut:
 - i) Seorang ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang serta dihormati.
 - ii) Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi.
 - iii) Seorang yang mempamerkan sifat kepimpinan melalui teladan kepada mereka yang dibawah pimpinannya.
 - iv) Mempunyai perwatakan yang dinamik serta bertanggungjawab dan komited kepada tugas dan tanggungjawab berdasarkan nilai-nilai murni masyarakat dan negara.
 - v) Berkeupayaan mengenalpasti konflik dan mengurusnya dengan baik serta berhemah.
 - vi) Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi negara secara keseluruhannya.
4. Sehubungan dengan itu, staf akademik yang berminat boleh mengemukakan permohonan masing-masing secara bersurat sebelum **07 Jun 2022** untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut.

5. Surat permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan lampiran berikut:
- i) *Curriculum Vitae* yang lengkap dan dikemaskini;
 - ii) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
 - iii) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Fakulti dan Universiti.
 - iv) Permohonan hendaklah menggunakan Borang Permohonan/ Pencalonan Jawatan Pentadbir Akademik (PP/PA/SC/2016-1) yang boleh dimuat turun melalui <http://registrar.utm.my/governan/pentadbir-akademik/>.
6. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertaraf – **SULIT** – dengan menulis jawatan yang dipohon di penjuru kanan sampul surat dan dihantar kepada Ketua Bahagian, Pejabat Pendaftar, Jabatan Pendaftar, UTM Johor Bahru sebelum tarikh tutup.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA KERANA ALLAH”

Saya yang menjalankan amanah,



(NOR AZIZAH BINTI ISMAIL)
Pendaftar

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah, UTM Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah